

12/07/1998

Impian jadi nyata

Hussain Said

LEBIH sedekad kita mengharungi pelbagai peristiwa suka duka sebelum kompleks yang menjadi impian negara dan rakyat siap dengan sempurnanya.

Segala perancangan yang bermula 1984 untuk membina sebuah kompleks sukan yang memfokuskan pendekatan Sukan Olimpik terancang serta termoden dewasa ini, akhirnya menjadi realiti.

Malam tadi, rakyat Malaysia sekali lagi menyaksikan satu lagi mercu tanda kemegahan apabila Kompleks Sukan Negara (KSN) yang dirasmikan pembukaannya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tatkala pembinaan KSN yang keluasanya lebih kurang 120 hektar di kawasan yang dahulunya estet getah mendapat reaksi negatif dari pelbagai pihak termasuk luar negara, perasmian pembukaan KSN itu harus lebih dicemburui.

Malah ia secara tidak langsung membuktikan kita sudah bersedia untuk menganjurkan temasya kedua terbesar dunia, Sukan Komanwel XVI, 11 hingga 21 September nanti.

Lebih menarik, KSN yang dibina di atas tanah undulating di mana ada sebuah bukit yang dikenali sebagai Bukit Komanwel serta sebatang sungai (Sungai Kuyoh) mengandungi lima kemudahan sukan.

Kelima-lima kemudahan sukan - stadium utama, tertutup, hoki, pusat akuatik dan pusat skuasy - yang memfokuskan pendekatan Sukan Olimpik diberi nama rasmi oleh Dr Mahathir malam tadi.

Stadium utama dikenali Stadium Nasional manakala stadium tertutup sebagai Stadium Putra dan pusat akuatik Pusat Akuatik Nasional.

Jelas, kelima-lima kemudahan sukan itu adalah mercu tanda KSN dengan seni bina dan luarannya berkonsepkan moden dan menarik perhatian.

Di luar stadium utama pula ada arca keris serta sebuah reflecting pool untuk memaparkan imej keris di air kolam.

Keris itu direkabentuk Dr Neil Lawson Baker, seorang pengukir Inggeris dan dibuat di Perancis. Di samping itu, ada juga pintu gerbang bermotifkan seni Islam.

Malah, dengan seni bina yang terukir indah di KSN, tidak salah untuk menyatakan ia adalah gelanggang terbaik dalam sejarah penganjuran Sukan Komanwel.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin ketika diminta mengulas menjelang pembukaan rasmi KSN jelas berpuas hati dan kagum dengan pembinaannya.

"Ia adalah satu kemegahan kita. KSN tidak akan menjadi `gajah putih' seperti tanggapan sesetengah pihak sebaliknya ia akan dipenuhi dengan pelbagai aktiviti yang tidak tertumpu kepada acara sukan saja," katanya.

Kenyataan Muhyiddin itu jelas bertepatan dengan kawasan KSN yang juga ada taman rekreasi seluas lebih kurang 49 hektar dengan pembinaannya tertumpu kepada tiga kawasan utama yang mampu menarik pelancong.

Tiga kawasan utama itu adalah sebuah bukit, bekas kawasan sampah dan Sungai Kuyoh yang diubah suai dengan lanskap menarik serta dipenuhi dengan himpunan pokok berkanopi dan bunga berwarna-warni sejumlah 8,000 pokok dan 100,000 shrubs.

Lebih efisien, KSN hanya terletak lebih kurang 20 kilometer dari bandar raya Kuala Lumpur dan dihubungi melalui Lebuhraya Utara-Selatan, Lebuhraya Shah Alam, Lebuhraya Puchong-Sungai Besi dan juga melalui sistem LRT STAR. Pengunjung yang menggunakan Keretapi Tanah Melayu (KTM) boleh menukar kepada sistem LRT di stesen bersama Bandar Tasik Selatan.

Walaupun kemudahan tempat letak kereta tidak dapat diadakan sepenuhnya, jumlah 5,421 tempat untuk letak kereta, 48 tempat untuk bas dan 254 tempat untuk motosikal sudah cukup memberi keselesaan.

Segala itu, membuktikan kita setanding dan berkeupayaan.